

# WPI bukan untuk pelabur Singapura sahaja – Musa

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

**KUALA LUMPUR** 23 Jun – Pelaburan di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) tidak terhad dari Singapura sahaja tetapi akan turut menyaksikan penyertaan negara lain seperti negara-negara Timur Tengah, Eropah, China, Korea dan Jepun.

Panel Penasihat Lembaga WPI, Tun Musa Hitam berkata, kepelbagaian dalam sumber pelaburan asing langsung (FDI) ke WPI telah dikenal pasti bagi enam aspek yang diberi keutamaan di wilayah tersebut.

Aspek-aspek tersebut katanya, adalah industri inovatif, pendidikan, perkhidmatan kewangan dan perundingan, perkhidmatan kesihatan, logistik dan pelancongan.

“Singapura memang penting kerana merupakan negara terdekat dan memiliki potensi pelaburan terbesar tetapi kita juga akan berusaha menarik minat pelaburan daripada sumber-sumber lain.

“Negara-negara Asia Barat telah banyak memberikan komitmen, begitu juga Eropah.

“Bulan depan pula, ramai lagi pelabur berpotensi dari China, Jepun dan Korea akan ke Johor Bahru melalui program tiga hari anjuran Majlis Perniagaan Malaysia-China,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum menyampaikan ceramah bertajuk ‘Misi dan Matlamat WPI Johor’ pada majlis Ceramah Bistari anjuran Persekutuan Anak Melayu Johor di sini, malam

MM : Ahad 24/6/2007

➤ Bulan depan pula, ramai lagi pelabur berpotensi dari China, Jepun dan Korea akan ke Johor Bahru melalui program tiga hari anjuran Majlis Perniagaan Malaysia-China

– Musa Hitam

ini.

Musa berkata, insentif khas telah diperuntukkan kepada pelabur bagi setiap aspek tersebut sebagai mana yang ditawarkan kepada pemegang status Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC).

“Prinsip dan pendekatannya sama tetapi kita telah memperbaikinya.

“Insentif-insentif ini tidak akan kekal statik

tetapi akan diubah mengikut keperluan masa,” jelasnya.

Beliau menambah, pihak lembaga akan memudahkan proses memperoleh keuntungan bagi kumpulan-kumpulan pelabur berpotensi ini bagi menarik minat mereka.

“Namun, pada masa yang sama, kita juga tidak akan rugi apa-apa kerana kesannya akan lebih jelas dan mendalam,” ujarnya.